

Menyelam malam sampai ke Subuh

HM 13/02/24 M/S 8

Kesukaran mencari lubuk dalam hutan mendorong pengusaha biak sendiri baka ikan kelah merah

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

Kuala Berang

Kesukaran meredah sungai dan bermalam di hutan hingga seminggu mendorong seorang pengusaha kelah me-

rah menjalankan aktiviti biak baka ikan itu sendiri.

Mohd Marzuki Abd Ghani, 45, dari Kampung Pasir Dula di sini, berkata, dia menjual ikan kelah merah sejak 14 tahun lalu dan bekalan ikan diperoleh di sungai di dalam negeri itu.

Menurutnya, sebelum ini dia perlu mengumpul ikan ditangkap untuk dijual dan rutin itu menyukarkan kerana dia perlu bermalam di hutan.

Katanya, dia biasa menghabiskan masa seminggu di hutan untuk menangkap ikan kelah merah dan rutin itu dilakukan bagi menjamin bekalan ikan sentiasa ada.

"Bukan kerja mudah meredah hutan belantara dan mencari lubuk kelah kerana kebiasaannya pada jam 9 malam dalam kegelapan saya menyelam di sungai untuk menangkap 'raja sungai' itu.

"Menyelam pada malam hari sehingga menjelang subuh dan ikan diperoleh dimasukkan ke dalam plastik beroksigen untuk dibawa pulang," katanya.

Menurutnya, pulang dengan tangan kosong me-

rupakan 'mainan biasa', namun demi mencari rezeki dia meneruskan rutin mencabar itu.

Katanya, hasil tangkapan itu kini digunakan sebagai baka untuk dibiak dan selepas ini dia tidak perlu lagi meredah hutan mencari sungai yang ada lubuk kelah.

Marzuki berkata, dia kini ada 40 ekor induk ikan kelah merah dan ikan dijual bermula dengan harga RM30 hingga RM6,000 seekor bergantung kepada saiz.

"Ikan kelah kini dijadikan hiasan dengan permintaan sangat tinggi datang dari seluruh negara.

"Saya kini dalam proses melakukan kerja biak baka dan selepas ini rutin ke sungai boleh ditinggalkan kerana stok ikan untuk dijual ada di rumah," katanya.

Menurutnya, dia ke sungai bersama seorang lagi rakan dan meredah lautan sukar semata-mata mencari lubuk kelah.

Katanya, rutin itu dilakukan sejak 14 tahun lalu dan sangat mencabar dan bahaya kerana jarak yang ditempuh amat jauh.

“
Ikan kelah kini
dijadikan hiasan
dengan permintaan
sangat tinggi
datang dari seluruh
negara
Mohd Marzuki

MOHD Marzuki menunjukkan ikan kelah merah yang kini dijadikan baka dan dijual bermula dengan harga RM30 hingga RM6,000 seekor bergantung kepada saiz.